

12/09/1997

38 negara sah sertai Lima 97

LANGKAWI, Khamis - Tiga penyertaan baru dari Sri Lanka, Chile dan Greece adalah antara 38 negara yang mengesahkan akan menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima 97), Disember ini.

Selain itu, buat pertama kalinya dua kapal selam milik tentera laut Russia dan Perancis akan menyertai pameran serta dibuka kepada orang ramai, bermula 2 hingga 7 Disember.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata sehingga kini 761 syarikat mengesahkan penyertaan mereka di pameran udara ketiga terbesar di dunia selepas Paris di Perancis dan Farnborough di United Kingdom.

Menurutnya, berikutan sambutan menggalakkan itu lebih 80 peratus daripada 22,000 meter persegi ruang pameran udara yang disediakan sudah ditempah oleh syarikat berkenaan.

Katanya, daripada 761 syarikat itu, 531 mengambil bahagian dalam pameran udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) selama lima hari.

"Ruang pameran udara kali ini adalah tiga kali ganda lebih besar daripada ruang pameran tahun lalu dan kita menetapkan sasaran sebanyak 800 penyertaan," katanya selepas meninjau kemajuan persiapan infrastruktur bagi Lima 97, di sini hari ini.

Antara syarikat yang mengambil bahagian ialah British Aerospace dan GEC-Marconi Ltd dari British, McDonnell Douglas dan Northrop Grumman (Amerika Syarikat) dan Hawker Pacific (Australia).

Persiapan lain ialah menempah 6,800 bilik penginapan bagi peserta, memastikan jalan raya di Langkawi diperbaiki, bekalan elektrik dan air mencukupi dan sistem keselamatan memuaskan.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizan Husain; Pengerusi Huswah Laksamana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab Nawi; dan Pengerusi Eksekutif Le Proton, Datuk Mohd Radzi Manan.

Mengenai pertunjukan aerobatik, beliau berkata, selain Red Arrows dari Britain, Russian Night dari Russia dan satu pasukan dari Afrika Selatan juga berminat mengadakan pertunjukan.

Beliau yang diberi taklimat oleh penganjur turut berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan bagi memastikan keselesaan pelawat kenamaan, profesional dan pengunjung pameran itu.

"Kami memberi kerjasama dengan semua agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan Lima 97 memberi keselesaan kepada semua pihak."

"Persiapan juga dilakukan secara teliti kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjemput ramai rakan sejawatnya, termasuk Sultan Brunei dan beberapa menteri Pertahanan asing," katanya.

(END)